

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inovasi Jimat Minyak	Utusan Online
2.	M'sian scientists bag awards	The Star
3.	Quake, tsunami claims refuted	The Sun
4.	Gempa bumi kuat landa Kepulauan Loyalty	BERNAMA
5.	Ombak tsunami dikesan di New Caledonia	Kosmo Online
6.	Petronas dagangan yakin dengan pasaran LPG	BERNAMA
7.	Jangan guna hos gas murah	My Metro
8.	Kerajaan bincang turunkan harga panel solar	Berita Harian Online



Inovasi jimat minyak



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri), bersama Mohd. Azman Shahidin (kiri) pada program penyerahan bot berteknologi hibrid kepada nelayan di Jeti Kampung Hailam Tangga Batu, Melaka, baru-baru ini.

MENERUSI program Inovasi Sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atau MSI, pendekatan membantu rakyat terus diperkasa dan terbaharu Komuniti Keluarga Nelayan Tanjung Kling di Tangga Batu, Melaka menerima faedahnya baru baru ini.

Menerusi program MSI itu, mereka menerima sumbangan 10 unit bot nelayan pantai berkuasa 40 kuasa kuda yang dilengkapi dengan teknologi terbaru, penjana gas Syn-Hybrid yang bernilai kira-kira RM300,000 kesemuanya dari **Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd (TPM)**.

Inovasi tersebut dibangunkan oleh syarikat tempatan yang juga inkubasi kepada TPM, iaitu Amiran Technology Sdn. Bhd. Pemasangan dan uji kaji sistem ini juga melihatkan kerjasama antara anak syarikat TPM, TPM Engineering Sdn. Bhd.

Sebanyak 10 unit bot tersebut telah disampaikan oleh **Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** kepada Pengurus Komuniti Keluarga Nelayan Tanjung Kling, Khairul Azni yang disaksikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, **Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin**.

Menurut Mohd. Azman, pemasangan sistem penjana gas Syn-Hybrid akan menawarkan alternatif penjanaan tenaga yang lebih lestari berbanding dengan bahan api fosil.

Beliau berkata, bot nelayan komersial yang dilengkapi dengan teknologi hijau inovatif itu juga membolehkan nelayan menikmati kelebihan ekonomi dengan memperoleh kelebihan daya saing, penjimatan kos bahan api, serta produktiviti yang lebih tinggi.

“Berdasarkan ujian yang dijalankan oleh Amiran Technology, nelayan bakal menikmati penjimatan kos antara 20 dan 30 peratus sehari, atau kira-kira RM250 hingga RM500 sebulan. Penjimatan sedemikian pada bahan bakar dapat disumbang semula kepada komuniti ini untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan,” ujar beliau.

Teknologi penjana gas Syn-Hybrid dibangunkan oleh Amiran Technology yang menghasilkan produk berinovasi teknologi hijau berdasarkan tenaga diperbaharui (RE) bagi penjanaan bahan bakar alternatif secara hibrid bersama bahan bakar sedia ada seperti minyak petrol dan diesel.

Campuran bahan bakar gas oksigen dan hidrogen ke dalam kebuk enjin bot dapat meningkatkan pembakaran maksimum bahan api petrol atau diesel, sekali gus meningkatkan keupayaan tenaga tork serta meningkatkan jarak perjalanan bot.

Produk hibrid tersebut menggunakan air yang ditapis atau disuling melalui proses elektrolisis nano untuk pemecahan molekul air menjadi gas oksigen dan hidrogen.

Gas hibrid yang dijanakan ditapis serta dimagnetkan bagi memberi tenaga simpan yang padu untuk disalurkan menerusi saluran injap masuk udara ke kebuk enjin.

Setiap saluran gas dipasangkan injap sehala bagi tujuan keselamatan serta pulse width modulator bagi menjamin arus tenaga keperluan proses nanoelektrolisis tidak melampaui had yang ditetapkan.

Sistem pam kitaran air dipasang bagi kesempurnaan kitaran air di dalam proses nanoelektrolisis untuk menghindari pemanasan terlampaui.

Sementara itu, menurut Dr Abu Bakar, projek MSI itu sebahagian daripada cadangan inovasi yang boleh meningkatkan taraf kehidupan komuniti nelayan dengan penggunaan enjin bot inovas baharu itu.

Penjimatan sehingga 45 peratus

Pereka cipta inovasi sistem penjana gas Syn-Hybrid, **Amir Ahmad** berkata, pada awalnya beliau membangunkan inovasi tersebut dengan sasaran penjimat penggunaan bahan bakar hanya antara 20 hingga 30 peratus sahaja

“Walau bagaimanapun, hasilnya lebih baik sehingga mampu mencapai (penjimatan) 45 peratus,” ujarnya.

Justeru beliau yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Teknikal Amiran Technology Sdn. Bhd., bercadang untuk meluaskan penggunaan teknologi tersebut kepada sektor bot perikanan dan bot pelancongan di seluruh negara pada masa akan datang memandangkan impak penjimatan kepada subsidi bahan bakar agak tinggi.

Beliau berkata, sistem tersebut berguna bagi penjanaan partikel hidrokarbon sifar seterusnya pengurangan pelepasan gas karbon dioksida kepada sehingga 20 peratus.

Sistem tersebut juga mengekalkan proses pembersihan karbon yang berterusan dalam kebuk enjin.

Beliau berkata, kemajuan aplikasi sistem tersebut dapat mengurangkan beban penggunaan minyak petrol dan diesel daripada antara 30 peratus hingga 50 peratus bergantung kepada variasi beban muatan dan kapasiti enjin selain mesra alam.

Beliau berkata, pembangunan inovasi tersebut bermula sejak 2010 dan ditambah baik kualitinya dari semasa ke semasa hingga ke hari ini.

“Produk ini disiapsiagakan bagi pengkomersialan di arena antarabangsa dengan permintaan yang sangat menggalakkan dengan permasalahan isu harga minyak, pemanasan global dan perubahan cuaca sedunia yang tidak menentu,” ujarnya.

Produk berdimensi kompak dengan bahan berkualiti tinggi menggunakan bahan tebat elektrik dan antikarat bagi badan produk serta menggunakan aloi titanium dan besi tahan karat berkualiti tinggi di dalam struktur reka bentuk dinamik magnetik nanoelektrolisis.

Penggunaan air elektrolit, Syn-Hybrid mampu bertahan sehingga 15,000 kilometer nautika bagi setiap pertukaran penambahan air elektrolit yang baru dengan jangka hayat produk sehingga minimum lima tahun.

Beliau menambah, meskipun idea pembangunan inovasi tersebut tercetus pada 2015, ia hanya dapat direalisasikan pada Ogos lalu menerusi program MSI.

“Tujuannya untuk dipasang pada bot persisiran pantai yang bermanfaat kepada komuniti nelayan iaitu bagi membantu mengurangkan masalah beban sara hidup memandangkan penggunaan bakan bakar yang tinggi.

M'sian scientists bag awards

Recognition proof of fast-growing local scientific community

By HANIS ZAINAL
haniszainal@tehstar.com.my

PETALING JAYA: Three Malaysians have proven that the country can produce scientists capable of impressing the international scientific community.

At the Science and Technology Awards Ceremony held during the gala night of 17th Asean Ministerial Meeting on Science and Technology in Nay Pyi Taw, Myanmar, last month, Malaysian Institute of Microelectronic Systems Dr Hafizal Mohamad, Tunku Abdul Rahman University College's Dr Leong Wai Yie, and Nottingham University's (Malaysia campus) Prof Chong Mei Fong proved that all is well with the Malaysian scientific community when they won prestigious awards.

Dr Hafizal was awarded the Asean Outstanding Scientist and Technologist Award, winning a trophy and prize money of US\$10,000 (RM41,800), while Dr Leong was awarded the Asean Meritorious Service Award, which offered a similar prize value.

Dr Hafizal said that the local scientific community was growing



Gaining prestige: Dr Leong and Prof Chong.

fast, adding that the proof was seen through the recognition given to many Malaysian scientists by the international scientific community over the years.

"Having a background in both basic research and applied research, I am lucky to have experienced the differences and challenges in both fields.

"I am also lucky to be working

among talented colleagues and collaborators who are always supportive of my efforts," he said, adding that he was happy to receive the award, taking it as another recognition for Malaysian scientists.

Researcher Prof Chong, who was awarded the second prize for the Asean-US Prize For Women, took home an award money of US\$5,000 (RM20,900).

She said she was grateful to the Government for supporting her research projects throughout the years with various grants, the first being a RM202,000 grant given by the Science, Technology, and Innovation Ministry under its Science Fund.

Saying that she was glad to be recognised, Prof Chong added that she wanted to be a role model for young women who want to pursue a career in science, technology, engineering, and mathematics (STEM) fields.

The theme of the 2017 awards ceremony was the use of biotechnology, microelectronics and information technology, or material science and technology on issues such as rapid urbanisation with a focus on health such as disease spread and mutation, counterfeit medication or healthcare access and on improving transportation and infrastructure as well as workforce development and retention with focus on safety in the workplace.

In all, Malaysian scientists bagged awards for three of the four categories.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06
TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Quake, tsunami claims refuted

> Met Dept says no technology to predict disasters months ahead

BY AMAR SHAH MOHSEN
AND EDMUND LEE
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Meteorological Department has refuted claims by an Indian professor predicting a major earthquake and subsequent tsunami in the Indian Ocean that would wreak havoc in several Asian countries by Dec 31.

Its National Weather Operation and Geophysics Centre director, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, said there was no scientific proof to show that the disaster would take place.

"We only have sensors that can detect seismic activities when an earthquake takes place. If you want to predict, especially months ahead, there's no such technology yet. He (the scientist) only predicted based on his hunch," he told *theSun* yesterday.

Kerala-based Babu Kalayil of the B. K. Research Association for E. S. Pin India had in September sent a letter to Indian Prime Minister Narendra Modi, warning that a "vigorous earthquake" was expected by Dec 31.

He claimed that it would shake the entire coast of the Asian continental areas, affecting 11 countries, including Thailand and Indonesia, with a storm to strike the coast with speeds of up to 180kph.

The letter was riddled with spelling and grammatical errors.

Kalayil claimed to have made the observation on Aug 20 with the help of extra sensory perception (ESP, or clairvoyance).

The scientist had previously told an Indian journalist that he could predict natural disasters through visions and that with the help of intuition, he could know when and where an event is to take place.

A two-minute-fifty-second video has emerged on social media, showing animation of Kalayil's claim of a huge tsunami and earthquake before the end of this year.

Universiti Malaysia Sabah's Natural Disasters Research Centre director Prof Felix Tongkul said all these claims on major earth changes were made without any strong scientific back-up or evidence.

He was puzzled why such information was given without any thorough research.

He did not criticise the Indian scientist but pointed out the prediction, made without solid proof, would bring fear to the people.

B.K. RESEARCH ASSOCIATION FOR E.S.P.
(Extra Sensory perception & Earth and space predictions)
Regd. No. T-123456 Govt of Kerala
www.bkresearch.espindia.com

BABU KALAYIL
Director

To:
The Prime Minister
Govt of India

70/09/2017

Respected Sir,

AWARNING FOR PRECAUTIONS

In the Indian ocean there is a earth quake expecting before 31 December 2017.

This African earth quake has affected the entire coast of the Asian continental areas. Moreover this African earth quake replaced the boundary of Sea. Due to this extent in the Africa continent named nations like Spain, Pakistan, Nepal, Bangladesh, Harvard, Venezuela, Argentina, Australia and will proceed into Gulf countries etc.

The possibility to strike the Indian/Malaysia coast during this period which expect for about 1,000 to 180 km with strong power. Heavy rain, flood waves (Tsunami).

The above observation is made on August 20, 2017 with the help of ESP.
Thanking You,

Yours Sincerely,

Babu Kalayil



The letter written by Kalayil (above) to Indian Prime Minister Narendra Modi.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Gempa Bumi Kuat Landa Kepulauan Loyalty

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.8 skala Richter melanda Kepulauan Loyalty, berhampiran New Caledonia pada 6.43 pagi tadi.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, pusat gempa bumi terletak di 21.3 darjah selatan dan 168.8 darjah timur kepulauan tersebut, yang merupakan kepulauan di Pasifik dan 6,178km tenggara dari Semporna, Sabah.


Bagaimanapun gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
KOSMO.COM.MY**
TARIKH: 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Ombak tsunami dikesan di New Celedonia



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR - Gempa bumi kuat berukuran 6.8 skala Richter melanda Kepulauan Loyalty, berhampiran New Caledonia pada 6.43 pagi tadi.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gempa bumi terletak di 21.3 darjah selatan dan 168.8 darjah timur kepadaan tersebut, yang merupakan kepulauan di Pasifik dan 6,178km tenggara dari Semporna, Sabah.

Bagaimanapun gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

Menurut laporan agensi berita Reuters pula, gempa bumi itu telah mengakibatkan berlakunya ombak tsunami kecil berdekatan New Caledonia dan Vanuatu setinggi satu meter hari ini.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Petronas Dagangan Yakin Dengan Pasaran LPG

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Petronas Dagangan Bhd, yang menasarkan untuk mengekalkan kedudukan peneraju pasarannya dalam pasaran gas petroleum cecair (LPG) di Malaysia, yakin dengan prospek sektor itu berdasarkan jumlah penduduk negara ini yang semakin meningkat.

Pengurus Besar Bahagian Perniagaan LPG, Ramzulhakim Ramlie, berkata pasaran LPG di negara ini masih mencatat pertumbuhan positif berbanding negara lain, yang agak perlahan.

"Kita masih melihat pertumbuhan dalam pasaran itu iaitu pada tahun lepas, sebanyak 1.5 peratus. Lazimnya, pertumbuhan dalam pasaran LPG bergantung kepada pertumbuhan penduduk," katanya kepada pemberita selepas taklimat mengenai keselamatan pengendalian gas silinder, sambil menambah ia mempunyai 50 peratus bahagian pasaran dalam pasaran LPG tempatan pada masa ini.

Bagi suku ketiga berakhir 30 Sept 2017, perniagaan LPG Petronas Dagangan mencatatkan peningkatan keuntungan kasar sebanyak 46 peratus sejajar dengan peningkatan volum sebanyak lima peratus.

Pada taklimat tersebut, Petronas Dagangan berkata, hos dan pengawal atur bagi setiap gas silinder, masing-masing perlu ditukar setiap dua tahun dan lima tahun, dan ia menekankan mengenai kepentingan untuk menggunakan hos dan pengawal atur yang diluluskan oleh **SIRIM** dan Suruhanjaya Tenaga.

Petronas Dagangan berkata ia turut tidak menggalakkan menggunakan hos lutsinar yang diperbuat daripada plastik berikutan ia mudah bocor dan boleh menyebabkan kebakaran.

Walaupun silinder LPG tidak mempunyai tarikh luput, ia perlu melalui proses kelayakan semula untuk memastikan integritinya, katanya.

"Bagi silinder gas Petronas, proses kelayakan semula perlu dilakukan selepas 11 tahun dari tarikh pengeluarannya dan setiap enam tahun selepas itu," katanya.

Silinder LPG termasuk dalam senarai barangan kawalan harga kerajaan, dan harga runcit silinder LPG C12 adalah RM22.80 dan C14 (RM26.60), tidak termasuk caj penghantaran.

-- BERNAMA



Jangan guna hos gas murah



Eksekutif HSE & Training Bahagian Perniagaan LPG Petronas Dagangan Berhad (PDB), Hanbali Abidin menyampaikan taklimat media mengenai keselamatan LPG.
FOTO Nik Hariff Hassan

HOS gas lut sinar di dapur iaitu yang diperbuat daripada plastik (PVC) bukan saja tidak sesuai malah boleh mendatangkan malapetaka kerana ia mudah bocor dan mengakibatkan kebakaran.

Pengurus Besar Bahagian Peniagaan Gas Petroleum Cecair (LPG), Petronas Dagangan Berhad, Ramzulhakim Ramli berkata, hos transparen hanya sesuai untuk udara dan bukannya LPG apatah lagi gas berkenaan tiada warna.

Justeru beliau tidak menggalakkan penggunaan hos jenis itu sebaliknya mengesyorkan hos hitam diperbuat daripada getah gred tinggi yang mendapat kelulusan **SIRIM** dan Suruhanjaya Tenaga.

"Kita mendapati sesetengah pengguna lebih cenderung untuk mendapatkan hos transparen kerana ia banyak dijual malah harganya murah berbanding hos berwarna hitam. Namun, ia bukan untuk gas sebenarnya tetapi untuk udara.

"Ia mudah bocor dan mengakibatkan kebakaran. Jadi, jangan menggunakan dia rumah anda. Kami menyarankan hos yang diluluskan oleh SIRIM. Malah hos itu pula perlu ditukar setiap dua tahun," katanya pada sesi taklimat media mengenai LPG dan isu berkaitannya di Kuala Lumpur, hari ini.

Pada sesi taklimat itu juga ditekankan berkenaan langkah keselamatan penggunaan gas memasak seperti tidak menyimpan selinder gas di tempat tertutup, mengadakan lubang udara di bahagian bawah kabinet dapur gas dan menggunakan air sabun untuk mengesan kebocoran pada hos.Â

Ramzulhakim berkata, walaupun menyedari hos termasuk kepala gas (regulator) yang tiada jaminan keselamatan banyak dan mudah didapati di pasaran ketika ini, pihaknya tiada kuasa untuk mengambil tindakan.

Bagaimanapun katanya, pihaknya mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) bagi penyediaan panduan penggunaan selamat gas memasak.Â

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya juga menafikan maklumat berkaitan tarikh luput silinder gas seperti yang tular di media sosial sehingga menyebabkan keimbangan pengguna.

"Tak betul yang tular itu. Selinder LPG bahkan gas di dalamnya tiada tarikh luput. Jika mengikut standard, selinder itu boleh digunakan untuk tempoh 12 tahun, sebelum dibuat ujian semula, tetapi kami memendekkan tempohnya kepada 11 tahun," katanya.

Pada masa sama beliau menasihatkan pengguna supaya tidak tertipu dengan peruncit yang mengenakan harga lebih tinggi daripada ditetapkan ke atas gas LPG atau menjualnya tanpa menepati berat timbangan sepatutnya. "LPG hanya mengandungi 80 hingga 85 peratus daripada silinder gas. Berat keseluruhan bagi silinder 12 kilogram (kg) adalah 27.8 kg yang dijual pada harga RM22.80 manakala silinder 14 kg adalah 30.5 kg (RM26.60)," katanya



Kerajaan bincang turunkan harga panel solar



KERAJAAN bincang turunkan harga panel solar. - foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan bertemu pengeluar dan penjual panel solar di negara ini untuk berbincang mengenai harga produk itu supaya dapat dijual pada kadar lebih berpatutan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pelbagai dasar, merangkumi insentif dan kempen dilancarkan selama ini untuk memacu penggunaan panel solar.

Namun, katanya, kadar penggunaan teknologi untuk mengurangkan kesan pelepasan gas hijau itu masih pada takuk lama kerana dijual pada harga tidak mampu milik.

"Oleh itu, saya mahu berjumpa semua penjual panel solar di Malaysia bagi membincangkan usaha bagaimana nak turunkan harganya di pasaran.

"Selepas ini, kita harapkan panel solar boleh digunakan di pelbagai sektor dari peringkat kediaman persendirian sehingga industri," katanya menjawab soalan tambahan Tan Sri Abd Khalid Ibrahim (Bebas-Bandar Tun Razak) di Dewan Rakyat, hari ini.

Abd Khalid membangkitkan isu penggunaan panel solar di Malaysia yang disifatkan tidak seragam, selain dibelenggu pelbagai isu sehingga merencangkan usaha kerajaan menangani kesan pelepasan rumah hijau.

Wan Junaidi berkata, inisiatif kerajaan untuk menggalakkan orang ramai beralih kepada kenderaan menggunakan tenaga elektrik turut berdepan masalah berikutan perselisihan di antara agensi berkaitan.

Beliau berkata, pihaknya ketika ini dalam fasa perbincangan dengan **SIRIM Berhad** dan Kementerian Pengangkutan untuk merungkai isu lesen kenderaan elektrik.

"Masalah sekarang adalah segelintir motosikal dan kereta elektrik yang dijual di pasaran tidak boleh digunakan di jalan raya kerana isu lesen.

"Kita akan selesaikan secepat mungkin supaya setiap produk yang berupaya mengurangkan kesan pelepasan gas hijau berupaya dipasarkan," katanya.

Selain itu, Wan Junaidi berkata, kementerian mengarahkan PETRONAS mempercepatkan penghasilan diesel Euro5 bagi mengurangkan kadar pelepasan karbon.

Katanya, ia perlu dilaksanakan secepat mungkin susulan rungutan pemilik kenderaan mewah bahawa sistem enjin mereka sering rosak kerana menggunakan diesel biasa yang dijual di pasaran ketika ini.

"PETRONAS tidak mempunyai pilihan melainkan mempercepatkan penghasilan diesel Euro5 kerana ia bahan api yang lebih bersih," katanya.